

KESANTUNAN BERBAHASA DALAM AKTIVITI PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN)

Nor Azuwan Yaakob, Norazlina Mohd Kiram, Kamariah Kamaruddin, Zaitul Azma Zainon Hamzah

Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putera Malaysia

E-mel: azuwan@fbmk.upm.edu.my, norazlina@fbmk.upm.edu.my,
kkamaria@fbmk.upm.edu.my, zaitul@fbmk.upm.edu.my

ABSTRAK

Kesantunan bahasa merupakan ciri penting bangsa yang bertamadun dalam memperlihatkan ketinggian pemikirannya. Kesantunan berkait rapat dengan kebijaksanaan menyusun bahasa yang halus dan bersopan melalui luahan perasaan terutamanya dalam berkomunikasi dan berinteraksi. Dalam usaha kerajaan membentuk warganegara 1Malaysia yang berjati diri, memelihara adab dan kesopanan serta bertamadun tinggi, kesantunan berbahasa sewajarnya menjadi amalan seluruh rakyat. Dalam konteks kajian ini, sejumlah 400 orang yang terdiri daripada pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) mengikut empat zon (Kedah, Selangor Darul Ehsan, Kelantan dan Johor) telah dipilih sebagai responden berdasarkan kaedah persampelan rawak mudah. Dapatan kajian menunjukkan konsep kesantunan telah diaplikasikan dalam aktiviti PLKN.

Kata Kunci: kesantunan, komunikasi, PLKN.

1.0 PENGENALAN

Bahasa merupakan wahana atau sebagai alat berfikir dalam bentuk dua fungsi. Pertama, bahasa menjadi wahana atau saluran akal melahirkan idea, fikiran dan bahkan perasaan seseorang sehingga dapat disampaikan kepada pihak lain. Kedua, bahasa menjadi wahana yang menerima dan mentafsirkan idea, fikiran atau perasaan daripada pihak lain sehingga penerima idea, fikiran atau perasaan itu faham dan memberikan maklum balas. Peranan bahasa sebagai penzahir dan penerima mesej itulah yang memungkinkan manusia dapat berkomunikasi untuk mewujudkan kesalingfahaman, persefahaman, perpaduan dan kerjasama ke arah kebaikan. Dengan berlangsungnya semua fenomena itu manusia dapat membentuk peribadi unggul dalam aspek kehidupan. Peranan bahasa dalam pembentukan kebudayaan,

tamadun manusia termaktub di dalam al-quran seperti yang berikut:

1. *"Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah seperti sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Ia mengeluarkan buahnya pada setiap masa dengan izin Tuhan-Nya. Allah mengemukakan perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran). Bandingkanlah kalimah buruk, samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah terbongkar akar-akarnya daripada muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup".*
(Surah Ibrahim: 24).
2. *"Bahasa menjadi alat pemerolehan dan pengembangan ilmu – Dalam Surah al-Baqarah: 31, dijelaskan bagaimana Allah mengajar Adam tentang nama sekalian ciptaan dan kejadian di alam, iaitu sebagai bukti bahawa pemerolehan dan pengembangan ilmu memerlukan alatnya. Bahasa menjadi alat pendidikan dan pemasyarakatan (sosialisasi) - Pembentukan sahsiah yang bermula dengan institusi keluarga, rakan sebaya, institusi pendidikan formal (seperti sekolah), media massa dan masyarakat berlangsung dengan menggunakan bahasa sebagai alat penyaluran sistem nilai, adat kepercayaan dan kebudayaan keseluruhannya".*
3. Bahasa menjadi tali pengikat persefahaman dan perpaduan – baik dalam kalangan sesama bangsa, kaum atau suku mahupun dalam kalangan antarabangsa, kaum atau suku yang berlainan, bahasa menjadi alat yang membentuk persefahaman dan perpaduan manusia. Hal ini disebut dengan jelas dalam al-quran, Surah al-Hujurat: 13 (Awang Sariyan, 2007).

Aspek kesantunan berbahasa menjadi salah satu elemen penting dalam membentuk keperibadian unggul dan cemerlang dalam kalangan generasi muda termasuklah pelatih PLKN. Walau bagaimanapun, ramai dalam kalangan generasi muda didapati tidak merintikberatkan aspek kesantunan berbahasa apabila berkomunikasi. Ini termasuklah tidak mematuhi rumus bahasa dan tidak mengamalkan kesantunan berbahasa. Akibatnya golongan generasi muda tersebut tidak mempunyai kecekapan dan kemahiran berkomunikasi. Bahasa Melayu telah diiktiraf dan dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa

rasmi dan bahasa pengantar utama di peringkat persekolahan. Bahasa Melayu turut digunakan dalam pelbagai bidang pentadbiran dan pengurusan, baik dalam komunikasi bersemuka, mahupun sebagai bahasa bertulis dalam pentadbiran dan pengurusan (Awang Sariyan, 2007). Kajian ini penting kerana dapat mengenal pasti pengaplikasian aspek kesantunan berbahasa dalam aktiviti PLKN. Sehingga kini sejumlah 519,828 pelatih telah mengikuti program itu semenjak tahun 2004 (Mingguan Mstar, 2011). Ini memperlihatkan pentingnya kajian ini dilaksanakan dalam kalangan pelatih PLKN kerana mereka merupakan bakal pemimpin negara pada masa hadapan.

Bahasa Melayu sebagai bahasa yang berusia lebih satu alaf menjadi bahasa tamadun di rantau ini (dengan memperhitungkan zaman kerajaan Sriwijaya pada abad ke-7 sebagai titik tolaknya dan kemudian zaman kesultanan Melayu) dan sejak kemerdekaan pada tahun 1957 menjadi bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan juga bahasa ilmu di negara ini dan mempunyai tradisi yang mantap dalam pengungkapan dan penggunaan bahasa yang santun.

Dalam usaha kerajaan membentuk warganegara yang berjati diri, memelihara adab dan kesopanan, serta bertamadun tinggi, kesantunan bahasa atau santun berbahasa sewajarnya menjadi amalan seluruh rakyat, daripada kalangan pemimpin sehingga rakyat biasa. Dengan demikian, rakyat dan negara kita bukan sahaja maju dalam pembangunan ekonomi, sains dan teknologi, tetapi dihormati sebagai bangsa yang mempunyai maruah dan berkeperibadian yang tinggi. Kempen budi bahasa dan nilai murni yang dilancarkan oleh kerajaan pada awal tahun 2005 merupakan usaha yang penting untuk memupuk kesedaran dan penghayatan seluruh warganegara terhadap pentingnya budi bahasa dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara, bahkan dalam hubungan manusia sejagat. Santun berbahasa merupakan salah satu aspek penting kempen budi bahasa dan nilai murni itu.

Kesantunan bahasa diukur dengan berdasarkan kepatuhan pengguna bahasa kepada peraturan yang terdapat dalam bahasa sesuatu masyarakat. Setiap masyarakat atau bangsa mempunyai peraturan bahasa masing-masing. Sebahagian peraturan itu bersifat sejagat, seperti penggunaan panggilan hormat, kata sapaan kekeluargaan dan ungkapan bertatasusila. Ada sebahagiannya pula yang bersifat khusus bagi sesuatu masyarakat atau bangsa, seperti bentuk-bentuk panggilan hormat menurut sistem susun lapis masyarakat, protokol dalam pentadbiran atau adat istiadat dan sistem kekeluargaan dalam masyarakat berkenaan. Misalnya, walaupun bangsa Melayu dan bahasa Inggeris sama-sama mempunyai sistem protokol pentadbiran dan adat

istiadat masing-masing, bentuk khusus kata panggilan hormatnya tidaklah sama disebabkan kelainan latar belakang kebudayaan (Awang Sariyan, 2011).

Asmah (2002) mendefinisikan santun bahasa sebagai penggunaan bahasa berpandukan peraturan tertentu, yang pada amnya ada tiga jenis peraturan penggunaan bahasa; iaitu peraturan lingustik, peraturan sosiolingustik dan peraturan pragmatik. Kepatuhan pada peraturan itu menunjukkan bahawa penggunaan bahasa bercirikan santun bahasa. Peraturan lingustik adalah peraturan yang memastikan keteraturan sebutan dan nahu dalam penggunaan bahasa. Peraturan sosiolingustik pula adalah peraturan yang mengawal ketertiban sosial individu yang berinteraksi antara satu sama lain, sama ada secara bersemuka seperti dalam perbualan atau dialog, mahupun interaksi secara tidak setara, iaitu komunikasi antara penulis dengan pembaca. Aspek pragmatik pula memberi tumpuan tujuan penggunaan bahasa iaitu kesan yang ingin disampaikan dan tindakan lanjutan daripada kesan tersebut (Salinah, 2005).

Kemajuan sesebuah masyarakat seiringan dengan perkembangan bahasa sesebuah masyarakat itu sendiri. Bahasa mempunyai pelbagai fungsi seperti fungsi berfikir (*idention*), antara peribadi (*interpersonal*) dan tekstual. Dalam fungsi berfikir, penuturnya memberi permaujudan dan melahirkan pendapat serta pandangannya tentang sesuatu. Apabila bahasa melaksanakan fungsi berfikir, penutur bertindak sebagai pemerhati dan penyerap apa yang berlaku di sekitarnya. Fungsi antara peribadi menunjukkan interaksi dengan orang lain dan lahirlah pelbagai ragam bahasa sama ada pertuturan atau penulisan yang memenuhi fungsinya (Asmah, 1986).

Nik Safiah (1981) menjelaskan kesantunan dapat dilihat apabila seseorang itu berkomunikasi dengan orang lain dengan melihat bahasa yang digunakan, iaitu sama ada bahasa berbentuk kasar atau bahasa berbentuk halus. Penggunaan kata gantinya pula ada yang berbentuk kasar dan halus juga. Bahasa berbentuk halus ialah bahasa yang sopan dan mengandungi nilai-nilai hormat yang tinggi. Kata ganti pula digunakan mengikut taraf seseorang penutur dengan penutur yang lain. Tegasnya dalam masyarakat Melayu, konsep santun atau kesopanan bermaksud sopan, iaitu tingkah laku, tutur kata, adat sopan santun, tatasusila, tingkah laku (tutur kata) yang baik dan keadaban (Kamus Dewan, 1991).

Bagi merendah diri, bukanlah sesuatu yang mudah. Ini kerana, penutur harus tahu membezakan taraf dan kedudukan mereka apabila

berkomunikasi. Lantaran itu, penggunaan kata ganti nama juga dilihat sebagai satu aspek penting semasa berbual demi menjaga kesantunan. Apabila berinteraksi sesama manusia, budaya masyarakat Melayu amat menitikberatkan budi bahasa yang mulia dan bagi setiap peringkat umur dan golongan masyarakat yang berinteraksi mempunyai nilai dan etos yang tersendiri. Pemilihan kata yang tepat, terutamanya kata ganti nama yang sesuai memastikan penyampaian maklumat dapat disampaikan dengan tepat.

Dalam masyarakat Melayu kedudukan pangkat, jawatan, umur ataupun hubungan sebagai teman antara si penyapa dengan orang yang disapa dapat ditentukan dari aspek pemilihan kata-kata yang digunakan pada masa kedua-dua saling berhubungan atau berkomunikasi. Gelaran warisan atau kurniaan adalah penting kerana itulah simbol atau lambang kedudukan seseorang dalam masyarakat sekelilingnya. Penggunaan kata gelaran sama ada salah satu atau kesemuanya dapat mengenal pasti status si penutur dengan orang yang disapa (Amat Juhari, 1989).


1.1 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran penggunaan kesantunan berbahasa dalam kalangan pelatih PLKN. Dapatan kajian akan memberikan pengetahuan dan panduan kepada organisasi untuk menangani fenomena kesantunan berbahasa yang negatif. Kajian ini juga dapat membantu menambah baik dan memperkasa modul PLKN yang sedia ada supaya lebih mantap dan berkualiti bagi menjamin keperluan dan kepentingan negara serta meningkatkan martabat bahasa. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk meneliti aspek kesantunan berbahasa dalam aktiviti PLKN.

2.0 KERANGKA KAJIAN

Berasaskan kepada aspirasi kerajaan untuk mewujudkan konsep 1Malaysia amalan kesantunan berbahasa perlu dititikberatkan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa. Landskap bangsa Malaysia yang diwarnai dengan kewujudan pelbagai agama dan kepercayaan seperti Islam, Buddha, Hindu, Kristian dan lain-lain, memperlihatkan isu kesantunan bahasa dalam komunikasi dan integrasi kaum sangat penting bagi Malaysia khususnya dalam usaha mewujudkan masyarakat yang berkualiti. Dalam usaha memupuk kesantunan berbahasa tumpuan khusus diberikan kepada generasi muda yang merupakan tunggak dan tulang belakang masa hadapan negara.

Tumpuan diberikan kepada generasi muda ini yang menjalani latihan PLKN melalui modul multidisiplin. Modul PLKN (2004–2010) terbahagi kepada dua bahagian, iaitu modul teras dan modul komponen tambahan. Modul teras meliputi modul fizikal, modul kenegaraan, modul pembinaan karakter dan modul khidmat komuniti. Manakala komponen tambahan pula meliputi kerohanian, kebudayaan, silang budaya dan sistem nilai. Melalui penekanan terhadap modul teras dan komponen tambahan tersebut para pelatih seharusnya dapat mengintegrasikan segala ilmu yang berkaitan dengan kesantunan bahasa dalam pembentukan kualiti kepemimpinan. Kecemerlangan PLKN akan memberi impak polisi yang besar terhadap negara khususnya dalam kerangka untuk membentuk negara bangsa 1Malaysia yang santun berbahasa. Kerangka konseptual kajian ini dapat dirujuk dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka konseptual pembentukan kesantunan berbahasa pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)

2.1 Sejarah Penubuhan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) mula dilaksanakan pada 16 Februari 2004. Idea untuk mengadakan ‘kerahan tenaga’ tersebut dicetuskan dalam Kongres Patriotisme Negara pada 24 Oktober 2002. Kongres itu dihadiri oleh menteri-menteri, timbalan menteri, ahli dewan negara, ahli dewan rakyat, menteri-menteri besar, setiausaha parlimen, ketua-ketua jabatan kerajaan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia serta pelbagai golongan masyarakat termasuk individu, pelajar, pesara, ahli korporat, ahli akademik dan badan berkanun.

Peserta kongres mencadangkan supaya kerajaan melaksanakan program kerahan tenaga untuk menyediakan golongan muda bagi menghadapi cabaran dari dalam dan luar negara, menangani perubahan teknologi baharu, globalisasi dan desakan badan bukan kerajaan antarabangsa yang tidak demokratik dan lain-lain. Program itu juga diharap dapat menanam semangat kesukarelaan terhadap golongan muda memandangkan terdapatnya perkaitan antara ketiadaan sikap kesukarelaan menyebabkan banyak persatuan yang tidak aktif, selain menyatakan golongan muda daripada pelbagai kaum. Peserta Kongres Patriotisme Negara menganggap program sedemikian dapat mempertingkatkan semangat patriotisme golongan muda yang merupakan aset negara. Sehubungan itu, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kerahan Tenaga (JKMKT) ditubuhkan pada 30 Oktober 2002. JKMKT mendapatkan maklum balas daripada rakyat dan membuat beberapa perbincangan dengan pelbagai pihak sebelum keputusan dibuat berkenaan pelaksanaan program itu.

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kerahan Tenaga (JKMKT) yang dibentuk oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Oktober 2002 bertujuan untuk mengkaji keperluan pelaksanaannya. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan dan dianggotai oleh tujuh menteri, Penasihat Perdana Menteri yang bertaraf menteri dan lima timbalan menteri. JKMKT dalam mesyuarat pertamanya pada 12 November 2002 menerima penggunaan istilah “Khidmat Negara” bagi menggantikan istilah kerahan tenaga. Dengan itu Jemaah Menteri pada 28 Mei 2003 meluluskan cadangan pelaksanaan Program Khidmat Negara dan Akta Latihan Khidmat Negara 2003. Dewan Rakyat pula meluluskan Rang Undang-undang Akta Latihan Khidmat Negara pada 25 Jun 2003, manakala Dewan Negara meluluskan Rang Undang-undang yang sama pada 7 Julai 2003. Sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan PLKN, Jabatan Latihan Khidmat Negara telah

ditubuhkan dan diletakkan di bawah Kementerian Pertahanan yang berfungsi sebagai agensi pelaksana PLKN. Kumpulan sasaran yang dikenal pasti untuk menyertai program itu terdiri daripada remaja yang lahir pada tahun 1986, atau lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berumur 18 tahun pada 2004.

Program Khidmat Negara ditunjangi oleh Rukun Negara, iaitu satu pernyataan falsafah mengenai prinsip-prinsip hidup yang diyakini dan diamalkan oleh rakyat Malaysia. Penyataan falsafahnya PLKN adalah; “Malaysia adalah sebuah negara yang indah, bebas dan kaya dengan kepelbagaian masyarakat dan budaya. Rakyat Malaysia mencintai negaranya, sedia menyumbang dan turut serta secara aktif menghadapi perubahan dan cabaran persekitaran dan dunia”.

Falsafah di atas menjelaskan bahawa warganegara Malaysia sewajarnya berbangga dengan negara ini yang dikurniakan oleh Allah SWT dengan keindahan muka bumi, kesuburan tanah dan kepelbagaian sumber alam, kebebasan daripada belenggu penjajahan dan mempunyai rakyat berbilang kaum yang hidup dengan aman dan damai. Manifestasi kepada rasa cinta mestilah diperlihatkan dengan perlakuan dan amalan semangat patriotik, kecintaan pada perpaduan dan kedamaian antara kaum, keprihatinan sosial dan kesukarelaan. Semangat yang ingin diterapkan oleh PLKN adalah untuk meningkatkan kecerdasan, menambah ilmu kenegaraan dan memantapkan ketaatan kepada negara. PLKN juga berhasrat melahirkan remaja yang lebih berdisiplin, berfikiran positif dan berdaya saing serta mampu menyingsir nilai negatif dalam masyarakat. Melalui PLKN golongan remaja dilatih untuk menjadi rakyat yang bukan sahaja bermanfaat untuk perkembangan diri sebagai individu, tetapi dalam masa yang sama menjadi aset yang bernilai terhadap masyarakat dan negara.

Menelusuri sejarah, Khidmat Negara ini bukanlah perkara baru di negara ini. Kali pertama Khidmat Negara diperkenalkan adalah dalam tahun 1952 yang bertujuan mengerah tenaga pemuda di Tanah Melayu dalam memerangi pengganas komunis. Ketika itu ramai anak muda yang dikerah untuk menjalani latihan dan perkhidmatan ketenteraan demi mempertahankan tanah air tercinta ini (Ahmad Fawzi Mohd. Basri, 2004). Kali kedua Khidmat Negara diperkenalkan adalah semasa Konfrontasi Malaysia dengan Indonesia (1963 – 1966). Ketika itu kerajaan telah menguatkuasakan Akta National Service 1952. Akta ini adalah berbentuk kerahan tenaga remaja untuk menyertai perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.

Dengan itu dapat disorot kembali bahawa kedua-dua Khidmat Negara

yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1950-an dan 1960-an dicetuskan kerana faktor pertahanan dan keselamatan negara. Khidmat Negara yang diperkenalkan kembali oleh kerajaan pada tahun 2004 pula adalah atas faktor ketahanan nasional atau “national resilience”. Aspek ketahanan nasional ini lebih luas bidang cakupannya, iaitu merangkumi meliputi politik, ekonomi, sosial, budaya, dalam dan luar negara serta untuk mengatasi segala macam ideologi yang boleh mencabar dan melumpuhkan kedaulatan negara.

Di samping perkara-perkara yang dinyatakan di atas, ketahanan nasional juga sangat berkaitan dengan golongan generasi muda yang bakal mewarisi teraju negara. Generasi pewaris ini adalah mereka yang masih berada di alam remaja. Mutakhir ini perlakuan remaja di negara ini amat mengusarkan hati setiap generasi dewasa dengan segala macam gejala sosial dan jenayah. Golongan remaja sudah semakin menebal sikap individualistik dan materialistik, sehingga menipisnya semangat patriotisme, kesukarelaan, disiplin dan kemasyarakatan (Ahmad Fawzi Mohd. Basri, 2004). Atas desakan sosial untuk memperbaiki sahsiah dan keperibadian golongan remaja itulah Program Khidmat Negara acuan Malaysia amat diperlukan. Hasil daripada perbincangan dan analisis mengenai situasi kehidupan golongan remaja itulah yang melahirkan konsep PLKN dan dalamnya termaktub pernyataan yang berikut, iaitu “Program Khidmat Negara (PKN) adalah untuk membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin, bersemangat waja, berkeyakinan diri, setia kepada negara, senantiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran dan dugaan serta untuk memupuk kerjasama dan perpaduan dalam kalangan pelbagai kaum di negara ini”.

Program Khidmat Negara dilaksanakan bagi mencapai objektif yang telah digariskan, iaitu meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda; memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional; membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni; menyemarakkan semangat kesukarelaan; dan melahirkan generasi muda yang lebih cergas, cerdas dan penuh keyakinan diri. Rumusan yang diperoleh dari aspek sosiologi dan politik, PLKN diperlukan oleh Malaysia disebabkan tiga faktor utama, iaitu perubahan gagasan negara etnik; modernisasi yang didokong oleh kepesatan pembangunan; dan perubahan budaya agraria kepada urbanisasi.

2.2 Kurikulum Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)

Kurikulum PLKN telah digubal oleh sebuah Jawatankuasa Kecil Kurikulum hasil *pilot project* yang diadakan ke atas 150 pelatih

sukarela pada 1 hingga 28 September 2003. Sebanyak empat (4) modul teras telah dibentuk yang mempunyai kaitan antara satu sama lain dan merupakan tunggak utama untuk mencapai objektif PLKN.

Modul Fizikal

Objektif Modul Fizikal adalah untuk membina disiplin dalaman melalui unsur regimentasi ala tentera untuk membangun karakter unggul; meningkat motivasi diri untuk menambah keyakinan dan kepercayaan terhadap diri sendiri; memupuk semangat kerjasama dan kekitaan dalam kalangan pelatih berbilang bangsa, budaya dan agama sebagai langkah integrasi nasional; dan meningkatkan kefahaman dari segi peranan mereka dalam konteks keselamatan dan pembangunan negara. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah modul ini termasuklah kawad untuk meningkatkan disiplin diri, bekerja dalam satu pasukan dan menguji ketahanan mental, emosi dan fizikal; aktiviti litar tali tinggi dan rendah untuk membentuk disiplin meningkatkan keyakinan dan kepercayaan diri serta motivasi diri dan kerja berpasukan; sukan kreativiti untuk teknik-teknik penyelesaian masalah, kerja berpasukan, pembelajaran melalui kaedah penyelesaian masalah (problem-based learning); kraf hutan untuk teknik ikhtiar hidup, menganalisis sesuatu perkara, kerja berpasukan, membuat perancangan, melaksana dan memantau; tempur tanpa senjata untuk mempertahankan diri, membentuk disiplin diri dan ketahanan diri; latihan pertolongan cemas untuk mempelajari ilmu dan kemahiran merawat; aktiviti air untuk membentuk disiplin diri, membina keyakinan diri, kerja berpasukan dan juga memecah fobia pada air (bagi sesetengah pelatih); dan kembara halangan untuk menguji ketahanan mental dan fizikal, kerja berpasukan, menyusun strategi, membina disiplin dan keyakinan diri.

Modul Kenegaraan

Objektif Modul Kenegaraan adalah untuk memahami berkenaan konsep "Negara" dan "Kenegaraan" (nation-building) bagi meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda (konsep negara termasuklah Tanah Air, Rakyat, Kerajaan dan Kedaulatan); dan memahami cabaran-cabaran di dalam dan di luar negara. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah Latihan Dalam Kumpulan (LDK) serta perbincangan dalam kumpulan, lawatan, simulasi, lakonan, dinamik kumpulan, menonton gambar, melukis, berdebat, mentafsir peristiwa dan lain-lain. LDK digunakan untuk memahami konsep "Negara" dan cabaran-cabaran dalam dan luar.

- i. Konsep Negara – Tanah Air adalah untuk menimbulkan perasaan bangga dan sayang kepada tanah air hingga sanggup mempertahankannya.
- ii. Konsep Negara – Rakyat adalah untuk mencapai perpaduan, membina perasaan kasih sayang sesama etnik dan antara etnik, menganalisis berkenaan etnik, membincangkan perbezaan dan persamaan, mengkaji cara-cara untuk mengharmonikan keadaan, ciri-ciri rakyat berkesan, cara rakyat menyumbang kepada negara, perubahan dunia dan kesan kepada rakyat. Konsep Negara – Kerajaan adalah untuk memahami bagaimana kerajaan terpilih, prosesnya dan jenteranya, bagaimana kerajaan mentadbir negara (tanah air, rakyat, kedaulatan) ini, sistem pentadbiran, undang-undang, perlombagaan dan lain-lain.
- iii. Konsep Negara – Kedaulatan adalah untuk memahami maksud kedaulatan, kepentingan Malaysia sebagai negara bebas untuk menentukan arahnya dan bukannya dijajah negara lain.
- iv. Membincangkan cara-cara menanganai cabaran; mengubah ancaman kepada peluang.

Modul Pembinaan Karakter

Objektif Modul Pembinaan Karakter adalah untuk membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Terdapat dua subkomponen, iaitu:

- i. Subkomponen pertama ialah pembinaan diri di mana pelatih melalui proses penerokaan diri sendiri, menyedari dan mengenal pasti ciri-ciri diri (seperti aspek kepimpinan), meneguhkan kekuatan dan memulihkan kelemahan diri; dan
- ii. Subkomponen kedua ialah kemahiran pelatih dengan orang lain dalam kehidupan mereka; mengetahui cara berkesan untuk bekerja sebagai ahli pasukan, cara bertindak sebagai pemimpin dan mengatasi masalah di dalam kumpulan.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah permainan, latihan, simulasi, perbincangan dan lain-lain.

Modul Khidmat Komuniti

Objektif Modul Khidmat Komuniti adalah untuk menyemarakkan semangat kesukarelaan. Di bawah modul ini, pelatih diberi peluang

untuk menjalankan kerja sukarela di kawasan kejiranan, dalam kerja perkhidmatan sosial, alam sekitar, kemudahan awam dan penempatan di agensi kerajaan. Walau bagaimanapun, ini bergantung pada lokasi kerja kesukarelaan yang berhampiran dengan kem latihan. Aktiviti sukarela yang dijalankan termasuklah mengkaji keadaan di lokasi-lokasi tersebut, mengenal pasti masalah yang ada, memberi cadangan, membuat kerja pembaikan, pembersihan, keceriaan, pengindahan dan lain-lain. Pelatih dijangka dapat mengaplikasikan ilmu, kemahiran yang diperolehi semasa di PLKN dan dalam aktiviti khidmat komuniti. Bagi tema kejiranan, pelatih memberikan perkhidmatan sukarela untuk keluarga atau penduduk di kawasan perumahan, kampung, kampung baru, ladang, rumah panjang, rumah pangsa, kampung orang Asli, FELDA dan lain-lain. Bagi tema perkhidmatan sosial pula, pelatih memberikan khidmat sukarela pada organisasi, institusi, pertubuhan kerajaan ataupun badan bukan kerajaan dari segi kesihatan, pendidikan, kebajikan, perumahan dan lain-lain. Bagi alam sekitar khidmat sukarela meliputi kerja membantu memelihara alam sekitar, hutan, pantai, sungai, kawasan perindustrian, pertanian, penternakan dan sebagainya.

Bagi kemudahan awam pula pelatih memberikan khidmat sukarela di taman permainan, taman rekreasi, dewan orang ramai, perpustakaan, pasar, stesen pengangkutan awam (bas, keretapi), lif, tandas awam, pondok telefon, dan lain-lain. Semasa Penempatan di agensi kerajaan pelatih memberikan khidmat sukarela terhadap polis, bomba, penjara, Angkatan Tentera Malaysia, selain mendapat pendedahan tentang peranan agensi dalam pembangunan dan pertahanan negara. Di samping modul teras, komponen-komponen baru juga dimasukkan bagi menyokong keberkesanan modul-modul teras. Antaranya adalah seperti berikut:

Komponen Kerohanian

Komponen kerohanian adalah bertujuan untuk membantu pelatih supaya memahami prinsip pertama Rukun Negara, iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan; memahami perkaitan agama dengan objektif PLKN; mempelajari fitrah kejadian manusia dalam aqidah dan tauhid bagi pelatih yang beragama Islam. Manakala pelatih bukan Islam mempelajari tentang agama masing-masing; memahami dan mengaplikasi akhlak Islamiah (termasuklah cara beradab, melaksanakan fardhu kifayah, mengaplikasikan kecintaan kepada harta benda awam dan negara) bagi pelatih Islam; dan mempelajari cara mengaplikasikan pengetahuan agama dalam kehidupan harian bagi pelatih bukan Islam.

Komponen Kebudayaan

Komponen kebudayaan ini bertujuan untuk pelatih menyampaikan mesej kecintaan dan memanifestasikan perasaan terhadap pemimpin, bangsa dan tanah air; mengaplikasikan nilai-nilai murni semasa bekerja sebagai satu pasukan; menghasilkan kerja yang kreatif dan berfikiran kritis; dan memahami kepentingan pemikiran kritis dan daya kreativiti untuk menempuh cabaran dalam kehidupan.

Program Integrasi

Objektif program ini adalah untuk membolehkan pelatih memahami pelbagai budaya kaum-kaum seperti Melayu, Cina, Baba dan Nyonya, India, Portugis, Kadazan, Iban; memahami pelbagai agama seperti agama Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan Sikh; dan memahami peranan, persamaan dan perbezaan antara kaum lelaki dan perempuan.

Program Sistem Nilai

Objektif program ini adalah untuk membolehkan pelatih memahami konsep nilai, sistem nilai, kegunaan dan kelebihannya; mengenali nilai diri, membentuk nilai dan maruah diri serta menghormati nilai orang lain; melihat nilai dalam perlakuan harian mereka; membentuk nilai pasukan, nilai bersama (shared values); menghargai nilai; dan mengaplikasikan nilai berkesan / positif.

Program Titian Integrasi

Objektif program adalah untuk pelatih dari Semenanjung yang ditempatkan di kem-kem di Sabah dan Sarawak dan sebaliknya akan disediakan keluarga angkat bagi mengurangkan perasaan rindu (home-sick), kebosanan dan tekanan sepanjang pelaksanaan PLKN. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) di mana keluarga angkat diperolehi dari kawasan Rukun Tetangga yang tinggal berdekatan dengan kem untuk melawat pelatih yang menjadi anak angkat pada hari melawat yang dibenarkan, iaitu dua kali setiap bulan. Keluarga angkat tidak dibenarkan membawa pelatih balik ke rumah.

Latihan Pendedahan Pengendalian Senjata Colt M 16

Latihan ini adalah bertujuan untuk pelatih mendapat pengalaman menggunakan senjata bagi memantapkan lagi semangat patriotisme; memantapkan/meningkatkan disiplin/keyakinan diri; melatih menguruskan diri secara sistematik dan teratur; dan melatih bekerja sebagai satu pasukan. Berdasarkan kejayaan satu Projek Perintis

Program Pengenalan Pengendalian Senjata yang telah dilaksanakan di enam buah kem yang terpilih seluruh negara pada Ogos 2005 hingga 14 September 2005. Mulai Kumpulan 3 Siri 3/2006, semua pelatih di kesemua kem seluruh negara akan mengambil bahagian dalam Latihan Pendedahan Pengendalian Senjata Colt M 16. Memandangkan latihan ini adalah berisiko tinggi, aspek keselamatan sentiasa diutamakan. Di bawah program latihan ini, pelatih diajar dan diberikan pengajaran secara teori berkaitan rupa bentuk dan kegunaan senjata serta langkah-langkah keselamatan semasa di kem; pelatih juga diberikan latihan amali yang meliputi tatacara memegang senjata dengan teknik yang betul, mengisi dan mengeluarkan peluru, posisi semasa menembak, menenang (focusing) sasaran, memahami arahan bersedia untuk menembak dan menentukan kunci keselamatan; setiap pelatih akan dibenarkan tindakan serta-merta apabila menembak dan prosidur keselamatan selepas menembak. Pelatih dibenarkan untuk menembak di lapang sasar hanya selepas mendapat pengajaran dari segi teori, latihan amali dan latihan ulang kaji. Ini adalah untuk memastikan pelatih benar-benar faham dan juga untuk membolehkan jurulatih mengenal pasti pelatih yang memerlukan prosedur khas seperti mereka yang kidal, rabun, terlalu gementar dan lain-lain.

Kajian Kesantunan Berbahasa

Komunikasi adalah satu aktiviti penting dalam sesebuah organisasi (Zelko & Dance, 1965), dan pengurus dalam organisasi besar di Amerika Syarikat menggunakan 85-90 % daripada masa kerja mereka untuk kerja-kerja yang berkaitan dengan komunikasi. Penulis berkenaan organisasi menekankan berkenaan kepentingan komunikasi dalam organisasi sejak sebelum perang dunia kedua lagi. Barnard (1938) menyatakan bahawa tugas pertama yang patut dilakukan oleh seseorang eksekutif dalam organisasi adalah membentuk dan mengekalkan satu sistem komunikasi formal yang baik. Ia juga patut berusaha menwujudkan iklim komunikasi yang baik dalam organisasinya, di samping menggalakkan pertumbuhan satu sistem komunikasi tidak formal yang berkesan. Kemahiran dalam komunikasi lisan juga telah dijadikan satu syarat untuk kenaikan pangkat dan organisasi.

Apabila kita menggunakan bahasa, baik bahasa lisan maupun tulisan, kita harus mematuhi beberapa peraturan tertentu supaya tidak membuat sesiapa berasa tersinggung atau lebih-lebih lagi menjatuhkan air mukanya. Sesuatu komunikasi yang menggunakan bahasa dilahirkan dalam sesuatu peristiwa bahasa tertentu. Peristiwa bahasa khususnya merujuk kepada kejadian komunikasi yang menggunakan bahasa lisan, misalnya antara lain merupakan perbualan antara kawan,

atau antara rakan sepejabat, temu duga, wawancara, perbahasan, perbahasan, mesyuarat, perundingan dan sebagainya. Setiap satu peristiwa itu mempunyai formatnya tersendiri, di samping peraturan menggunakan bahasa (Asmah Hj. Omar, 2007).

Dari aspek kaca mata linguistik, aturan-aturan bahasa umum dikenal sebagai tatabahasa. Dalam hubungannya dengan kewujudan bahasa, tatabahasa mencerminkan sistem sesuatu bahasa. Menurut teori linguistik Transformasi-Generatif, tatabahasa ialah sehimpunan rumus yang menerbitkan jumlah ayat gramatis yang tidak terbatas dalam sesuatu bahasa (Awang Sariyan, 2009). Penguasaan kesantunan berbahasa dapat membentuk keperibadian luhur dan kepemimpinan.

Wacana ialah realisasi bahasa dalam bentuk yang lebih lengkap dan terbentuk daripada unsur-unsur fonologi (bunyi bahasa), morfologi (morfem dan kata) dan sintaksis (frasa, klausa dan ayat). Pada asasnya wacana dizahirkan dalam bentuk lisan dan tulisan. Antara ciri-ciri yang menandai wacana adalah kesatuan fikiran, tautan dan kohesi (Asmah Hj. Omar, 1980). Dengan tidak menafikan pentingnya komponen lain dalam tatabahasa, komponen sintaksis diberi fokus dalam pengetahuan kesantunan berbahasa berdasarkan kenyataan bahawa rumus-rumus dalam komponen sintaksislah yang merangkaikan kata-kata dan kumpulan kata untuk membentuk ayat yang tidak terbatas bilangannya dalam sesuatu bahasa dan seterusnya memperlihatkan kesantunan.

Menurut Paul M. Postal dalam epilog buku R.A. Jacobs dan P.S. Rosembaum (1968) "The syntax...embodies the 'creative power' of the grammar, that property which permits a finite system to generate an endless set". Hakikat tersebut memperlihatkan dalam kesantunan berbahasa perlunya mengungkapkan pelbagai bahasa yang kreatif, tetapi dalam lingkungan pola-pola bahasa yang digunakan (Awang Sariyan, 2009). Jika dibandingkan dengan unit bahasa yang lebih kecil, iaitu kata ayat mempunyai variasi yang lebih banyak (Umar Junus, 1978).

Melalui bahasa, pelbagai konsep, idea, dapatan dan temuan dapat diungkapkan dan dikembangkan kepada masyarakat melalui sistem pendidikan, media massa dan juga melalui interaksi dalam pelbagai bentuk wacana. Melalui bahasa juga segala unsur kebudayaan dan kehidupan dapat diwariskan daripada satu generasi kepada satu generasi, malahan persefahaman, perpaduan dan semangat kekitaan serta keharmonian dalam masyarakat dapat dibentuk. Dalam mana-mana masyarakat dan bangsa, bahasa menjadi salah satu asas utama

ciri pengenalan atau jati diri bangsa dan juga negara (Awang Sariyan, 2007).

Kesantunan berbahasa merupakan aspek yang diukur berdasarkan kepatuhan pengguna kepada peraturan yang terdapat dalam bahasa sesuatu masyarakat. Setiap masyarakat atau bangsa mempunyai peraturan bahasa masing-masing. Sebahagian peraturan itu bersifat sejagat, seperti penggunaan panggilan hormat, kata sapaan kekeluargaan dan ungkapan bertatasusila. Ada sebahagiannya pula yang bersifat khusus bagi sesuatu masyarakat atau bangsa, seperti bentuk-bentuk panggilan kehormat menurut sistem susun lapis masyarakat, protokol dalam pentadbiran atau adat istiadat dan sistem kekeluargaan dalam masyarakat berkenaan.

Menurut Becker (1976), retorik pada asalnya merupakan seni atau kecekapan berpidato untuk mempengaruhi khalayak diperluaskan konsepnya sebagai disiplin yang mengajarkan penggarapan wacana secara sistematik. Kesantunan berbahasa meliputi seluruh aspek kebahasaan, iaitu meliputi tatabahasa dan aturan-aturannya, sistem sapaan dan gaya pengungkapan untuk mewujudkan keberkesan komunikasi yang perlu dikuasai oleh pemimpin.

Menurut Sa'adiah Ma'alip (2000), aspek kesantunan berbahasa merujuk kepada pengetahuan dan penguasaan komponen bahasa untuk tujuan penyaluran maklumat yang berkesan. Melalui penguasaan komponen tersebut, akan mewujudkan kefasihan bahasa semasa berkomunikasi dari pelbagai aspek, iaitu penyebutan, pembentukan perkataan dan pembinaan ayat yang lebih tepat, dan bermakna. Melalui penguasaan kesantunan berbahasa yang baik, pelatih PLKN dapat dibentuk menjadi bakal pemimpin yang berkualiti pada masa akan datang. Pemimpin yang berkualiti adalah pemimpin yang mempunyai kebijaksanaan dan daya upaya yang dinamik serta jati diri dan sentiasa berusaha mencipta kejayaan, membina kecemerlangan termasuk dalam bidang bahasa dan komunikasi untuk terus menjadi warga yang gemilang dan terbilang dan seterusnya berupaya menyahut cabaran globalisasi dan liberalisasi.

Grice (1975), dalam membincangkan berkenaan perbualan (komunikasi lisan) mengesyorkan supaya peserta mematuhi prinsip umum, iaitu Prinsip Kerjasama. Grice mencadangkan empat maksim kerjasama, iaitu:

- i. Maksim Kuantiti (1) Berikan sumbangan anda secara informatif sebagaimana yang diperlukan. (2) Jangan

- berikan sumbangan yang lebih informatif daripada apa yang diperlukan.
- ii. Maksim Kualiti (1) Jangan katakan sesuatu yang anda percaya adalah tidak benar. (2) Jangan katakan sesuatu yang tidak dapat anda sokong dengan bukti yang mencukupi.
 - iii. Maksim Kaitan. (1) Pastikan sumbangan anda relevan.
 - iv. Maksim Cara. Anda perlu jelas dalam pemilihan pernyataan dan ungkapan; dan secara spesifiknya (1) Elakkan pernyataan yang kabur. (2) Elakkan ketaksaan. Kemukakan pernyataan yang ringkas (elakkan penggunaan kata-kata yang berlebihan). (4) Buat pernyataan secara tersusun.

Dalam kajian ini prinsip utama yang menjadi tunjang kepada pengkaedahan kajian adalah berdasarkan kepada prinsip kesantunan berbahasa. Prinsip kesantunan yang digunakan berdasarkan kepada Abdel-Hafiz (2003) turut membincangkan Prinsip Kesantunan (Politeness Principle, PP) dalam konteks kesantunan berbahasa. PP seperti yang dibincangkan dalam Leech (1983) dianggap sebagai sebuah adaptasi daripada versi maksim Grice (1975). Penutur dikehendaki memperlihatkan interaksi yang santun dengan mematuhi maksim-maksim yang berikut (Leech 1983:131-42):

- i. Maksim Kebijaksanaan (1) Meminimumkan kerugian orang lain. (2) Memaksimumkan keuntungan orang lain.
- ii. Maksim Kemurahan Hati (1) Meminimumkan keuntungan diri sendiri. (2) Memaksimumkan pengorbanan diri sendiri.
- iii. Maksim Penghargaan (1) Meminimumkan mencela orang lain. (2) Memaksimumkan memuji orang lain.
- iv. Maksim Kesederhanaan (1) Meminimumkan memuji diri sendiri. (2) Memaksimumkan mencela diri sendiri.
- v. Maksim Persetujuan: (1) Meminimumkan ketidaksesuaian antara diri sendiri dan orang lain. (2) Memaksimumkan kesesuaian antara diri sendiri dan orang lain.
- vi. Maksim Simpati: (1) Meminimumkan rasa benci antara diri sendiri dengan orang lain. (2) Memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain.

Abdel-Hafiz memetik pendapat Leech (1983:261) yang melaporkan bahawa maksim PP berkemungkinan dilanggar atau berada dalam konflik antara satu sama lain. Pelanggaran sesebuah maksim akan menyampaikan suatu makna tertentu yang disimpulkan oleh pendengar. Makna sedemikian dipanggil implikatur perbualan (conversational implicature).

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang dibina melalui kajian literatur yang mempunyai kesahan dan indeks kebolehpercayaan yang tinggi di mana itemnya berkorelasi sesama sendiri pada tahap minimum 0.800 dan indeks kebolehpercayaan setiap fungsi berada antara 0.780 hingga 0.900. Satu set soal selidik berstruktur dibentuk oleh pengkaji bagi tujuan mendapatkan data-data kajian yang diperlukan dan merupakan kaedah utama dalam pemerolehan data yang berkaitan dengan kajian ini. Semua soalan yang terkandung dalam soal selidik ini berdasarkan objektif kajian. Borang soal selidik yang digunakan untuk kajian ini dibahagikan kepada latar belakang demografi (profil) pelatih PLKN dan pengetahuan kesantunan berbahasa (gaya bahasa). Instrumen kajian ini amat penting bagi melihat aspek kesantunan berbahasa.

4.0 KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Latar Belakang Demografi (Profil)

Latar belakang demografi (profil) kajian menerangkan berkenaan latar belakang responden yang diambil sebagai sampel dalam penyelidikan ini. Antara maklumat yang berkaitan ialah taburan umur, agama, bangsa dan lain-lain. Sampel diambil dari empat kem PLKN yang terpilih. Taburan ini boleh dilihat dalam Jadual 1.

Berdasarkan dapatan kajian, seramai 400 orang responden telah terlibat dalam kajian ini di mana sejumlah 200 orang responden adalah lelaki (50.0%) dan selebihnya 200 orang responden perempuan (50.0%). Majoriti umur pelatih adalah dalam lingkungan 18 tahun walaupun statistik menunjukkan terdapat kadar umur 18 tahun ke atas, tetapi ianya hanya memperlihatkan perbezaan jarak beberapa bulan kelahiran sahaja dan tidak menunjukkan banyak perbezaan. Dari segi kaum pula, responden Melayu adalah seramai 141 orang (35.0%), kaum Cina seramai 100 orang (25.0%) dan kaum India sejumlah 79 orang (19.8%) manakala selebihnya adalah dari bumiputera Sabah 36

orang (9.0%) dan Sarawak 44 orang(11 %). Sejumlah 158 orang (39.5%) responden adalah beragama Islam, pelatih yang beragama Buddha seramai 61 orang (15.0%), Kristian seramai 92 orang (23.0%), Hindu seramai 89 orang (22.0%) (lihat Jadual 1).

Jadual 1 juga menunjukkan 126 pelatih, iaitu (31.5%) berasal dari kawasan bandar, manakala 214 (53.5%) dari kawasan pinggir bandar dan 60 pelatih dari kawasan desa dengan jumlah peratus sebanyak 15.0% sahaja. Dapatan kajian turut menganalisis gred pencapaian kelulusan peperiksaan Bahasa Melayu pelatih kerana ianya memberi impak terhadap tahap pelatih dalam proses kesantunan berbahasa mereka. Statistik menunjukkan 199 orang dengan peratus 49.8% memperoleh tahap cemerlang dalam kelulusan Bahasa Melayu, manakala 147 orang 36.8% responden memperoleh pencapaian tahap baik dalam kelulusan Bahasa Melayu dan 54 orang pelatih pula lulus, iaitu 13.0% peratus daripada jumlah sampel responden.

Dari aspek tahap akademik pula dilihat kebanyakan pelatih adalah lepasan STPM, iaitu seramai 187 orang yang mewakili 46.8% responden kajian, 137 orang pelatih adalah lepasan SPM iaitu 34.0%, 48 orang pelatih adalah dari pelajar matrikulasi, iaitu sebanyak 12.0%, manakala 28 (7.0%) pelatih adalah pelajar lepasan Diploma. Kajian turut memperlihatkan latar belakang pendidikan ibu bapa/penjaga pelatih di mana 133 (33.0 %) daripada sampel responden mempunyai ibu bapa/penjaga yang mempunyai tahap pendidikan sehingga STPM, dan 119 (29.8%) memiliki Diploma, 48 (12.0%) tahap SPM, 72 (18.0%) tahap ijazah, 23 (5.8%) memiliki sarjana dan terdapat 2 (0.5%) mempunyai Ph.D. Statistik turut memperlihatkan 186 (46.5%) daripada ibu bapa/penjaga berkerja dalam sektor kerajaan, 129 (32.0%) sektor swasta dan 85 (21.0%) persendirian.

Berhubung dengan penglibatan pelatih dalam aktiviti kelab / persatuan di sekolah, hasil analisis kajian mendapati 199 (49.8) menjadi ahli biasa, 177 (44.0%) ahli jawatankuasa, 22 (5.5%) pernah menjadi Naib Presiden dan hanya dua (0.5%) pernah menyandang jawatan Presiden.

Jadual 1: Analisis latar belakang demografi responden (N=400)


| Bil. | Item | | Jumlah Responden (N = 400) | Peratus (%) |
|------|---|--------------------|----------------------------|-------------|
| 1. | Negeri | Selangor | 100 | 25.0 |
| | | Perak | 100 | 25.0 |
| | | Kelantan | 100 | 25.0 |
| | | Pahang | 100 | 25.0 |
| 2. | Jantina | Lelaki | 200 | 50.0 |
| | | Perempuan | 200 | 50.0 |
| 3. | Umur | <18 tahun | 182 | 45.5 |
| | | >18 tahun | 218 | 54.5 |
| 4. | Agama | Islam | 158 | 39.5 |
| | | Buddha | 61 | 15.0 |
| | | Hindu | 89 | 22.0 |
| | | Kristian | 92 | 23.0 |
| 5. | Bangsa | Melayu | 141 | 35.0 |
| | | Cina | 100 | 25.0 |
| | | India | 79 | 19.8 |
| | | Bumiputera Sabah | 36 | 9.0 |
| | | Bumiputera Sarawak | 44 | 11.0 |
| 6. | Tempat tinggal | Bandar | 126 | 31.5 |
| | | Pinggir Bandar | 214 | 53.5 |
| | | Desa | 60 | 15.0 |
| 7. | Gred pencapaian kelulusan peperiksaan Bahasa Melayu terkini | Cemerlang | 199 | 49.8 |
| | | Baik | 147 | 36.8 |
| | | Lulus | 54 | 13.0 |
| 8. | Kelulusan akademik tertinggi | SPM | 137 | 34.0 |
| | | STPM | 187 | 46.8 |
| | | Matrikulasi/Sijil | 48 | 12.0 |
| | | Diploma | 28 | 7.0 |
| 9. | Tahap pendidikan ibu bapa/ penjaga | PMR | 3 | 0.8 |
| | | SPM | 48 | 12.0 |
| | | STPM | 133 | 33.0 |
| | | Diploma | 119 | 29.8 |
| | | Ijazah | 72 | 18.0 |
| | | Sarjana | 23 | 5.8 |
| | | Ph.D | 2 | 0.5 |
| 10. | Pekerjaan ibu bapa/penjaga | Sektor swasta | 129 | 32.0 |
| | | Sektor Kerajaan | 186 | 46.5 |
| | | Persendirian | 85 | 21.0 |
| 11. | Jawatan yang dipegang | Presiden | 2 | 0.5 |
| | | Naib Presiden | 22 | 5.5 |
| | | Ahli Jawatankuasa | 177 | 44.0 |
| | | Ahli biasa | 199 | 49.8 |

4.2 Analisis Pengetahuan Kesantunan Berbahasa (Sistem Sapaan, Pemilihan Ungkapan, Aspek Kesantunan dan Bahasa Kiasan)


Berdasarkan Carta Bar 1 hingga 4, menunjukkan analisis pengetahuan kesantunan berbahasa dari aspek sistem sapaan, pemilihan ungkapan, kesantunan dan bahasa kiasan dalam kalangan pelatih PLKN. Analisis

memperlihatkan item yang terkandung dalam sistem sapaan (kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua, dan kata ganti nama diri ketiga) sangat kerap digunakan oleh pelatih PLKN, iaitu 375 orang (93.8%) dan 25 (6.0%) kerap menggunakan manakala kata ganti nama tunjuk memperlihatkan 384 (96%) sangat kerap dan 16 (4.0%) kerap digunakan oleh pelatih. Aspek panggilan hormat juga sangat kerap digunakan oleh pelatih 376 (94%) dan selebihnya, iaitu 24 (6.0%) kerap menggunakan.


Dari aspek item pemilihan ungkapan (simpulan bahasa, pepatah dan bidalan, perumpamaan, perbilangan dan kata hikmat) memperlihatkan 385 (96%) pelatih sangat kerap, manakala 15 (3.8%) kerap menggunakan pemilihan ungkapan tersebut dalam berkomunikasi. Data turut menunjukkan angka yang bersamaan, iaitu 385 (96%) dalam aspek kesantunan (pembukaan hujah, minta kebenaran, silaan, mohon maaf dan ucapan terima kasih) dan item bahasa kiasan (simile, metafora dan hiperbola) dan 15 (3.8%) kategori kerap.




Carta Bar 1: Analisis pengetahuan kesantunan berbahasa (sistem sapaan) responden (N = 400)



Carta Bar 2: Analisis pengetahuan kesantunan berbahasa (pemilihan ungkapan) responden (N = 400)



Carta Bar 3: Analisis pengetahuan kesantunan berbahasa (aspek kesantunan) responden (N = 400)



Jadual 4: Analisis pengetahuan kesantunan berbahasa (bahasa kiasan) responden (N = 400)

4.3 Rumusan Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, berdasarkan dapatan kajian tahap kesantunan berbahasa pelatih PLKN berada pada tahap yang tinggi dengan purata peratus melebihi 90%. Keadaan ini menunjukkan tahap kesantunan berbahasa dalam kalangan pelatih dapat dibanggakan. Konsep kesantunan berbahasa memainkan peranan penting dalam membudayakan pelatih dengan imej kesantunan ketika berkomunikasi dan ianya dapat mencerminkan nilai yang bersih serta membawa mereka kepada tahap peribadi yang berkualiti dan cemerlang pada masa hadapan.

5.0 KESIMPULAN

Program Latihan Khidmat Negara acuan Malaysia lebih menitikberatkan ketahanan diri, kerjasama kumpulan, pembangunan diri, kesedaran atau keinsafan kenegaraan, dan kepekaan sosial dan kesukarelaan. Bagi generasi muda yang telah menjalani Program Latihan Khidmat Negara mereka berpotensi menjadi rakyat Malaysia yang berdisiplin, bersemangat waja, berkeyakinan diri, setia kepada negara, sentiasa

bersedia menghadapi sebarang cabaran dan dugaan serta untuk memupuk kerjasama dan perpaduan dalam kalangan pelbagai kaum di negara ini.

Bahasa merupakan wahana penting bagi kemajuan manusia dan mencerminkan budaya sesuatu bangsa dalam proses pembangunan manusia sejagat. Oleh sebab itulah para pujangga mencipta peribahasa yang diwarisi zaman berzaman, antaranya "Bahasa Jiwa Bangsa" "Hilang Bahasa Lenyaplah Bangsa" dan "Bahasa Tidak Dijual Beli" "Kerana Pulut Santan Binasa; Kerana Mulut Badan Binasa" "Kerbau Dipegang Pada Talinya; Manusia Dipegang Pada Janjinya" serta "Orang Berbudi Kita Berbahasa; Orang Memberi Kita Merasa". Bahasa juga adalah cerminan akal budi bangsa. Bahasa Melayu telah mencapai taraf bahasa ilmiah, bahasa pentadbiran diplomatik dan bahasa sastera yang bertaraf epik dalam zaman kegemilangan tamadun Melayu sehingga kini. Bahasa Melayu sebagai bahasa yang telah lebih satu alaf menjadi bahasa tamadun di rantau ini dengan memperhitungkan zaman Kerajaan Sriwijaya pada abad ke-7 sebagai titik tolaknya dan kemudian zaman Kesultanan Melayu dan sejak kemerdekaan pada tahun 1957 menjadi bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu di negara ini mempunyai tradisi yang mantap dalam pengungkapan dan penggunaan bahasa yang berkesantunan dan santun.

Kesantunan berbahasa boleh membentuk peribadi pelatih dan melahirkan semangat patriotisme, perwatakan positif dan integrasi nasional dalam kalangan generasi muda Malaysia. Melalui program yang unik 'ala Malaysia' diharapkan mampu melahirkan tamadun bangsa Malaysia yang berwawasan dan bertanggungjawab dengan semangat patriotisme yang tinggi. Kajian ini amat bertepatan dengan aspirasi negara untuk mengimbangi kemajuan negara dengan budaya kehidupan demi perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia, di samping memupuk semangat berkorban demi membangunkan negara serta melahirkan bangsa yang bermaruah. PLKN diharapkan dapat membantu membentuk anak bangsa Malaysia yang mempunyai wawasan yang dapat mendukung dan menyokong usaha-usaha kerajaan merealisasikan konsep 1Malaysia dan matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan makmur.

RUJUKAN

- Abdel-Hafiz. (2003). *Pragmatic and Linguistic Problems in the Translation of Mahfouz's: The Thief and the Dogs: A Case Study*. John Benjamins Publishing Company.

- Ahmad Fawzi Mohd Basri. Penilaian Program Khidmat Negara dalam Gagasan, *Utusan Malaysia*, 16 Februari 2004.
- Asmah Haji Omar. (1980). "Analisis Wacana", dalam Dewan Bahasa dan Pustaka, 24(3).
- Asmah Haji Omar. (1986). "Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 24(3).
- Asmah Haji Omar. (2002). *Setia dan Santun Bahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Amat Juhari Moin. (1989). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). "Pembudayaan Bahasa dan Pembentukan Rupa Bangsa" dlm. Bahasa 12, hlm. 17-42.
- Awang Sariyan. (2009). *Sintaksis Bahasa Melayu Bersumberkan Karya Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Awang Sariyan. (2011). *Pembudayaan Bahasa dan Pembentukan Rupa Bangsa*, dlm Lingustik dan Pembudayaan Bahasa Melayu. (3-59). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barnard, G. (1938). *The Function of Executive*. Cambridge: Harvard University.
- Becker, A.L. (1976). "A Tagmeric Approach to Paragraph Analysis", dlm Rhetoric and Coposition a Source – Book for Teacher. USA: Hyden Book Co. Inc.
- Grice. (1975). *Cooperative Principle: Getting The Meaning*. Bethan.
- Iwan Shu-Aswad Shuaib. "PLKN Kekal Relevan" dlm. Mingguan Mstar, 2 Januari 2011.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Leech. (1983). Proposal about Politenes.
www.eric.ed.gov/ERICWebPortal/recordDetail;accno=ED403618 -
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sa'adiah Ma'alip. (2000). *Kata Panggilan Kekeluargaan Masyarakat Portugis: Tinjauan di Perkampungan Portugis Melaka*. Dewan Bahasa. Oktober 1077 – 1086.

- Salinah Ja'afar. (2005). "Kesantunan Bahasa: Pertembungan antara Budaya Melayu-bukan Melayu dan Islam-Bukan Islam" dlm. Jurnal Peradaban 3. 2005.
- Sanstroem dan Potts. (1996),y Sontroem dan Morgan. (2002), dlm *Penilaian Program Khidmat Negara (PLKN) Melalui Gagasan*. www.docstoc.com/docs/20560420
- Umar Junus. (1978). "Bahasa dalam Sajak", dlm. Harimuti Kridalaksana dan Djoko
- Kentjono (ed.), 1978. *Seminar Bahasa Indonesia 1968*, Ende Flores: Penerbitan Nusa Indah.
- Zelco, H. dan Dance, F. (1965). *Business and Professional Speech Communication*. New York: Holt, Rinehart dan Winston.

